

21 JUL 1999

NIK AZIZ SIFATKAN CABARAN PM GIMIK POLITIK

KOTA BAHARU, 21 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan sebagai gimik politik tawaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang jika beliau dapat membuktikan ada ayat Al Quran membenarkan umat Islam mencarut.

Beliau berkata, memandangkan cabaran itu berbentuk gimik politik, memadai baginya memberi jawapan sebagai orang politik.

"Benda (cabaran) ni benda politik, ini gimik politik, cukuplah saya jawab sebagai orang politik," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Dua hari lepas, Dr Mahathir mencabar Nik Aziz melepaskan semua jawatannya sekiranya gagal menunjukkan bukti bahawa Allah mencarut dalam Al Quran.

Mengenai kemungkinan bekas Ketua Umno bahagian Tumpat Datuk Kamaruddin Jaafar, yang menyertai PAS malam tadi, sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang, Nik Aziz berkata ia akan ditentukan oleh pihak lain.

Nik Aziz juga berkata usaha untuk menubuhkan sebuah parti serpihan PAS oleh seorang anggota Jawatankuasa PAS cawangan Kedai Mulong, Zainal Abidin Mat Yusof, tidak menggugat kedudukan parti itu.

-- BERNAMA

BD MAI